

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RME 457 - Pengurusan Tapak Bina

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.

(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KEDUA-DUA soalan di dalam Bahagian A dan pilih DUA soalan untuk dijawab di dalam Bahagian B.

BAHAGIAN A (wajib)

1. Nyatakan jenis-jenis insurans utama yang mesti diambil oleh kontraktor binaan. Bincangkan perkara-perkara yang penting di dalam polisi-polisi insurans tersebut yang perlu diteliti oleh seseorang pengurus tapak bina.  
( 25 markah )
2. Kelewatan masa kerja dan pertimbangan tentang lanjutan masa menjadi masalah yang selalu dihadapi oleh pengurus tapak bina. Bincangkan sebab-sebab kelewatan ini acapkali berlaku dan cara-cara menyelesaikannya.  
( 25 markah )

BAHAGIAN B

3. (a) Komunikasi merupakan fungsi terpenting di dalam pengurusan. Mengapakah kerap terjadi selisihan prestasi kerja daripada perancangan yang telah dibuat jika sekiranya sistem komunikasi di tapak bina tidak disusun atur dan dikawal dengan berkesan?

( 15 markah )

- (b) Bincangkan perkara-perkara yang penting yang selalu dijadikan agenda di dalam mesyuarat tapak yang pertama.

( 10 markah )

4. "Kepimpinan melalui teladan". Apakah yang anda faham dengan kata-kata ini andainya anda diberi kepercayaan mengurus sebuah tapak bina? Bagaimanakah anda akan memberi rangsangan kepada pekerja-pekerja di bawah tanggungjawab anda demi meningkatkan produktiviti mereka?

( 25 markah )

5. Bincangkan sistem keselamatan di tapak bina yang sesuai dengan keperluan undang-undang dan persekitaran di negara ini.

( 25 markah )

...3/-

6. (a) Apakah tindakan-tindakan awal yang perlu diambil oleh seseorang pengurus tapak bina sebelum menjalankan kerja-kerja fizikal mengikut kontrak?

( 15 markah )

- (b) "Tiap-tiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang pengurus mempunyai implikasi undang-undang". Apakah pendapat anda tentang andaian ini?

( 10 markah )

